



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 104/2025

PENETAPAN TARIKH SUKAN SEA 2027: TEMASYA BULAN SEPTEMBER, SELEPAS HARI KEBANGSAAN & DISUSUN MENGIKUT 4 KLUSTER PENGANJURAN

5 DISEMBER 2025

Malaysia memilih untuk menganjurkan Sukan SEA 2027 dari **18 hingga 29 September 2027**, tarikh yang dipilih secara strategik kerana 18 September merupakan musim cuti universiti manakala dari sudut meteorologi, tempoh ini masih sebelum bermulanya musim tengkujuh, sekali gus memastikan keadaan cuaca lebih stabil untuk penganjuran sukan luar. Penetapan tarikh ini juga dibuat bagi memastikan temasya berlangsung selepas **Hari Kebangsaan (31 Ogos)** dan **Hari Malaysia (16 September)**, serta tidak bertembung dengan sebarang acara besar lain.

Pengumuman tarikh serta senarai awal **38 jenis sukan** dibuat oleh Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** selepas mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA ke-34 dan Sukan PARA ASEAN ke-14 di Putrajaya.

Pemilihan sukan dilakukan berdasarkan ketetapan Persekutuan Sukan SEA (SEAGF), kesesuaian *venue* sedia ada serta pertimbangan tambahan seperti senarai sukan teras, program *Road To Gold* (RTG) dan Program Podium.

KLUSTER PENGANJURAN SUKAN SEA 2027

Malaysia buat julung kalinya menganjurkan Sukan SEA dengan **4 kluster utama** bagi memastikan pengagihan *venue* lebih efisien dan memberi manfaat pembangunan sukan di seluruh negara.

1. KLUSTER SARAWAK (17 SUKAN)

Menjadi kluster utama dan lokasi upacara pembukaan.

Antara sukan yang dipertandingkan:

- Akuatik
- Angkat Berat
- Bola Keranjang
- Boling
- Boling Padang

- Esports
- Gimnastik
- Golf
- Kriket
- Memanah
- Menembak
- Muay
- Petanque
- Skuasy
- Tae kwan do
- Tennis
- Wusyu

2. KLUSTER PULAU PINANG (6 SUKAN)

Sukan yang dianjurkan:

- Sepak takraw
- Snuker & biliard
- Judo
- Tinju
- Pingpong
- Floorball

3. KLUSTER JOHOR

Menjadi pusat untuk:

- Acara bola sepak

4. KLUSTER KUALA LUMPUR (14 SUKAN)

Kuala Lumpur juga akan menjadi lokasi bagi Upacara Penutup Sukan SEA Malaysia 2027.

Sukan yang dipertandingkan:

1. Badminton
2. Berbasikal (Velodrom Nasional, Nilai)
3. Bola tampar
4. Bola jaring
5. Equestrian
6. Hoki
7. Karate
8. Lawan pedang
9. Luncur ais
10. Olahraga
11. Pencak silat
12. Pelayaran (Pusat Operahu Layar Kebangsaan, Langkawi)

13. Ragbi
14. Ski air

Majlis Olimpik Malaysia bersama MASOC akan membentangkan cadangan penuh 38 sukan ini kepada SEAGF pada 8 Disember 2025 di Bangkok.

Selepas penganjuran Sukan SEA, **Sukan PARA ASEAN ke-14** pula dijadual berlangsung dari **17 hingga 23 Oktober 2027** di Kuala Lumpur, merangkumi **18 sukan:**

1. Akuatik Renang Para
2. Badminton Para
3. Berbasikal Para
4. Boccia
5. Bola Keranjang Berkerusi Roda
6. Bola Sepak CP (*Cerebral Palsy*)
7. Bola Sepak VI (*Vision Impairment*)
8. Catur Para
9. *Goalball*
10. Judo Para
11. Lawan Pedang Berkerusi Roda
12. Memanah Para
13. Menembak Para
14. Olahraga Para
15. Pingpong Para
16. *Powerlifting*
17. Tennis Berkerusi Roda
18. Tenpin Bowling Para

Dalam perkembangan sama, Pertandingan Mencipta Logo dan Maskot Rasmi Sukan SEA ke-34 serta Sukan Para ASEAN ke-14 Tahun 2027 telah dibuka kepada semua warganegara Malaysia. Penyertaan terbaik bakal membawa pulang hadiah lumayan iaitu RM8,000 beserta sijil untuk tempat pertama, RM5,000 dan sijil untuk tempat kedua, serta RM3,000 dan sijil untuk tempat ketiga. Pertandingan ini **ditutup pada 31 Disember 2025**. Hasil ciptaan boleh dihantar melalui pautan rasmi <https://forms.gle/ZUgb3k3BKUZxaXvi8>.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

